



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN RANGKA DASAR PADI, BERAS DEMI KEPENTINGAN SEMUA PIHAK, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM PERLU TAMBAH INSENTIF GALAK ANAK MUDA CEBURI SEKTOR PERIKANAN, SH -ONLINE	
3.	BERNAS SAMBUT BAIK PELARASAN HARGA BERAS PUTIH, HM -ONLINE	
4.	PERKASA TANAH TERBIAR UNTUK JAMINAN MAKANAN, HARAKAH DAILY -ONLINE	
5.	KARTEL BERAS: KERAJAAN TIADAK AKAN LINDUNGI SESIAPA: MOHAMAD, ASTRO AWANI -ONLINE	
6.	PELAN PENGELUARAN BERAS TEMPATAN DI TAHAP BAIK, ASTRO AWANI -ONLINE	
7.	PENIAGA INGKAR ARAHAN HARGA BAHARU BPI, MUKA DEPAN, BH -1	
8.	103,563 HEKTAR TANAH TERBIAR BERPOTENSI DIMAJUKAN, NASIONAL, BH -5	
9.	'MASIH JUAL HARGA LAMA', NASIONAL, BH -7	
10.	140,000 TAN BERAS TEMPATAN DIEDAR BERPERINGKAT, NASIONAL, BH -7	
11.	'ADA HARGA BERAS TURUN, ADA KEKAL', NEGARA, KOSMO -15	
12.	'TUNGGU STOK LAMA HABIS', LOKAL, HM -21	
13.	BERAS TEMPATAN 'KEMBALI' KE PASARAN, DALAM NEGERI, UM -6	
14.	TURUN HARGA TIDAK SELESAIKAN MASALAH, DALAM NEGERI, UM -6	
15.	PENIAGA LEGA HARGA BERAS IMPORT TURUN, DALAM NEGERI, UM -6	
16.	'GRED BERAS IMPORT MANA KURANG RM2 - RM3?', NASIONAL, SH -6	
17.	TINGKAT KUASA BELANJA PENGGUNA, NASIONAL, SH -6	
18.	SENARAIKAN KILANG BEKAL BERAS PUTIH TEMPATAN KEPADA UMUM, NASIONAL, SH -6	
19.	GOVT MULLS TARGETED RICE SUBSIDY, MUKA DEPAN, NST -1	
20.	TARGETED RICE SUBSIDIES MULLED, NEWS, NST -2	
21.	140,000 TONNES OF RICE HIT THE MARKET TODAY, NATION, THE STAR -2	
22.	PENGGUNAAN RACUN TINGGI DEDAH RISIKO KESIHATAN, NASIONAL, BH -6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
23.	80 PERATUS SAYUR PULAU PINANG DARI KEBUN HARAM, NASIONAL, BH -6	
24.	KADA CADANG OPERASI BENIH AWAN DI KAWASAN SAWAH PADI, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
25.	DIJANGKA MEROSOT 25 PERATUS, LOKAL, HM -20	
26.	PANAS MELAMPAU, MUKA DEPAN, UM -1	LAIN-LAIN
27.	MANDIKAN LEMBU, LOKAL, HM -10	
28.	ALPAKA JADI TARIKAN UTAMA PELAWAT, K2, KOSMO -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kerajaan rangka dasar padi, beras demi kepentingan semua pihak



Mohamad yakin dengan ketersediaan teknologi canggih di negara ini, ia dapat membantu kementerian meningkatkan pengeluaran serta kualiti beras pada tahap terbaik. - Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang merangka dasar padi dan beras melibatkan lima kementerian dengan mengambil kira kepentingan para petani, pengilang, pengedar serta peruncit di negara ini.

Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementeriannya mungkin mengambil masa tiga hingga empat bulan daripada sekarang sebelum mengumumkannya.

"Sebelum umum, kementerian perlu bincang dengan semua pemegang taruh. Dengan dasar baharu ini, kita harap, dan yang paling perlu dibela adalah para penanam padi.

"Kemudian, bagaimana peruncit boleh menjual dan mendapat keuntungan, pengilang tidak sampai menanggung kerugian dan terpaksa menutup perusahaan, dan pengguna, yang terdiri daripada pelbagai kategori," katanya ketika ditemu bual Awani Pagi hari ini.

Mohamad berkata, penyelarasan perlu dilakukan kerana ketika ini, contohnya, pekerja-pekerja asing yang berada di Malaysia juga menikmati beras yang disubsidi kerajaan.

"Jadi, kita hendak buat satu penyelarasan, yang mana pengumuman baru kita nanti melibatkan semua pihak, perbincangan yang lebih panjang dan kita harap semua pihak mengambil bahagian.

"Sebab, soal sekuriti makanan ini bukan soal kepentingan mana-mana parti politik, negeri dan kaum," tambahnya.

Dalam pada itu, Mohamad juga yakin ketersediaan teknologi canggih di negara ini dapat membantu kementerian meningkatkan pengeluaran serta kualiti beras di tahap terbaik.

Untuk rancangan jangka panjang, katanya, beberapa negeri telah tampil bekerjasama menyediakan tapak sawah padi yang lebih luas termasuk di Sabah, Sarawak, Pahang dan Perak.

"Negara tidak boleh bergantung kepada beras import. Pengeluaran kita 62 peratus, bolehkah kita capai sehingga 100 peratus, atau sekurang-kurangnya hampir ke SSL (tahap sara diri)? Saya cakap, boleh.

"Iaitu dengan meningkatkan teknologinya, pembinaan, penjagaannya dan berbagai teknologi yang berpusu-pusu datang ke kementerian memberi pelbagai pandangan.

"Kita juga buka tapak sawah baru. Setakat ini, Alhamdulillah, dapat kerjasama semua negeri," tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPKM perlu tambah insentif galak anak muda ceburi sektor perikanan



Muhammad Faiz

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu menambah lebih banyak insentif atau geran bagi menggalakkan keterlibatan anak muda dalam sektor perikanan termasuk industri akuakultur, hiliran serta produk-produk bermargin tinggi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, insentif tersebut penting bagi mengelakkan sumber marin negara terus dikuasai oleh nelayan dari negara jiran menjadi ancaman kepada kapal tempatan yang mencari hasil marin di kawasan itu.

Menurutnya, penglibatan sektor swasta amat diperlukan bagi menarik minat anak-anak muda dalam sektor perikanan yang berpotensi tinggi dalam ekonomi negara.

“Saya mengalu-alukan kerjasama dengan pertubuhan belia di Malaysia untuk mendengar pandangan bagaimana anak muda digalakkan menceburi sektor perikanan. Peluang sentiasa terbuka kepada individu yang berminat dalam sektor perikanan.

“Tidak dinafikan kerja dalam bidang ini adalah kotor, merbahaya dan sukar (3D), namun sektor ini tidak boleh selamanya bergantung kepada pekerja luar.

“Kami terbuka kepada usaha sebegini untuk membina lebih ramai pemilik perniagaan, usahawan dan tenaga kerja mahir tempatan dalam sektor perikanan,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sebelum ini, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, bilangan penganggur terus menurun kepada 567,800 orang pada Disember daripada 569,000 orang pada November 2023, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus.

Menurutnya, ia mencerminkan asas ekonomi negara yang stabil didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam aktiviti ekonomi dan sosial.

Mengulas lanjut, menurut Muhammad Faiz, penglibatan aktif nelayan muda dalam Persatuan Nelayan (PN) ialah penting dalam memberikan suntikan idea baharu.

Ujarnya, dengan memberi tumpuan kepada kerjasama organisasi perkongsian awam-swasta, ia dapat memajukan sektor tersebut dengan lebih baik.

“LKIM telah menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi melahirkan nelayan muda yang berkemahiran tinggi dan mempunyai pengetahuan dalam teknologi seperti penggunaan dron serta internet of things (IOT).

“Usaha memodenkan nelayan adalah antara matlamat utama LKIM,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Bernas sambut baik pelarasan harga beras putih



Pekerja kedai runcit menyusun beras import ketika tinjauan di sebuah pasaraya hari ini. FOTO BERNAMA

Shah Alam: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menyambut baik keputusan kerajaan untuk melaksanakan pelarasan harga beras putih dan memuji langkah proaktif Kerajaan MADANI dalam menangani kos sara hidup rakyat Malaysia.

Selaras dengan pengumuman Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu semalam, Bernas mulai hari ini melaksanakan pelarasan harga jualan Beras Putih Import (BPI) di pintu gudang Bernas di Semenanjung Malaysia daripada RM3,200 kepada RM3,000 per tan metrik untuk memastikan berlakunya penurunan harga jualan BPI di antara RM2 hingga RM3 bagi setiap kampak 10 kilogram di peringkat runcit.

Bernas berkata, ia membuktikan komitmen Bernas dalam menjamin ketersediaan produk walaupun trend harga Beras Putih Import (BPI) masih berlegar di paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun lepas.

Menurutnya, Bernas bergerak seiring dengan pengumuman kerajaan dan kekal berdedikasi dalam memastikan bekalan beras yang mencukupi dan stabil untuk isi rumah di seluruh negara serta turut memuji langkah intervensi kerajaan dalam meningkatkan pengedaran beras putih tempatan.

"Bernas mengulangi pendiriannya untuk terus meyokong dan mendokong agenda keterjaminan makanan serta bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan pemain industri.

"Syarikat mengulangi komitmennya terhadap pelan jangka panjang KPKM, mengutamakan kebajikan pesawah dan mengekalkan kelestarian rantaian bekalan beras di dalam negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, kekal fokus dalam memenuhi obligasi sosialnya, Bernas mengurus stok penimbal dan beroperasi sebagai pembeli beras terakhir daripada pesawah dengan mengutamakan kepentingan negara walaupun berdepan dengan keadaan pasaran global yang tidak menentu.

TARIKH**MEDIA****RUANGAN****MUKA
SURAT****21/3/2024****HARAKAH DAILY****ONLINE**

Perkasa tanah terbiar untuk jaminan makanan



KUALA LUMPUR: Dato' Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) meminta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyatakan jumlah keluasan tanah pertanian yang terbiar di seluruh negara.

Dalam soalan asal bagi sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat itu, beliau turut meminta agar kementerian menyatakan perancangannya untuk memastikan tanah

terbiar ini dapat dimanfaatkan, sekali gus dapat memperkasakan keterjaminan makanan dalam negara.

Timbalan Menteri KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup dalam jawapannya berkata, berdasarkan rekod daripada Jabatan Pertanian seluas 103,563 hektar tanah terbiar milik persendirian telah dikenal pasti melibatkan sejumlah 46,382 lot di Semenanjung Malaysia yang termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 89,464.35 hektar merupakan tanah darat manakala 1498.26 hektar adalah tanah sawah. Bagi memanfaatkan tanah terbiar dan seterusnya meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara, KPKM telah mencadangkan inisiatif bagi meningkatkan keluasan tanah pertanian.

"(Iaitu) melalui sinergi antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang dibentangkan di dalam mesyuarat menteri besar dan ketua menteri yang ke-139," ujarnya pada sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan di Dewan Rakyat, Parlimen di sini sebentar tadi.

Katanya, antara sinergi yang sudah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut adalah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian peringkat daerah bagi memudahkan cara urusan membangunkan tanah persendirian tidak diusahakan dan berpotensi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kartel beras: Kerajaan tidak akan melindungi sesiapa - Mohamad



Kerajaan tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana individu atau pihak yang terlibat sekiranya terbukti kewujudan kartel beras putih tempatan, tegas Mohamad.

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana individu atau pihak yang terlibat sekiranya terbukti kewujudan kartel beras putih tempatan, tegas Datuk Seri Mohamad Sabu.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu, pemantauan sentiasa dilakukan berhubung isu kartel atau monopoli seperti mana tindakan diambil terhadap syarikat harga makanan ayam sebelum ini.

"Terdapat badan pemantau - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan mereka telah mengambil tindakan sebelum ini terhadap syarikat yang dikatakan monopoli penetapan harga makanan ayam.

"Mengenai beras, sekarang ini mereka (MyCC) sedang memantau sekiranya ada di peringkat mana benda (kartel) itu dan jika wujud mereka akan mengambil tindakan.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak ada nak melindungi sesiapa dalam hal ini kalau ada misalnya monopoli ada yang dituduh itu kerana ia sentiasa dipantau," katanya kepada Astro AWANI, pada Rabu.

Sebelum ini, Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendakwa, terdapat kartel beras putih tempatan membabitkan empat hingga lima syarikat di negara.

Katanya, syarikat-syarikat berkenaan dipercayai bertindak mengawal jual beli padi dan makanan ruji itu sehingga berlaku kekurangan bekalan di pasaran serta peningkatan harga.

Jelasnya, maklumat itu diperoleh hasil daripada libat urus yang dijalankan bersama pesawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pelan pengeluaran beras tempatan di tahap terbaik



Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu yakin dengan ketersediaan teknologi canggih di negara dapat membantu Kementerian meningkatkan pengeluaran serta kualiti beras di tahap terbaik.

Peniaga ingkar arahana harga baharu BPI

Penurunan harga Beras Putih Import (BPI) sebanyak RM2 hingga RM3 sekampit yang berkuat kuasa semalam belum dapat dinikmati di seluruh negara kerana kebanyakan peruncit masih mengekalkan harga lama atas alasan bekalan diterima daripada pembekal sebelum pengumuman kerajaan dan kadar baharu didakwa merugikan mereka.

**Oleh M Hfizuddin Ikhsan,
Essa Abu Yamin
dan Baharom Bakar**
→ Nasional 7



103,563 hektar tanah terbiar berpotensi dimajukan

Kuala Lumpur: Tanah terbiar seluas 103,563 hektar milik perendiran dikenal pasti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk dimanfaatkan bagi memperkasa keterjaminan makanan negara. Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata ia membabitkan 46,382 lot di Semenanjung dan Labuan.

Beliau berkata, Kementerian juga menawarkan insentif kepada pihak yang ingin membangunkan tanah terbiar atau tanah berpotensi melalui program dirancang.

Antara inisiatif dilaksanakan tahun ini, katanya Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024, iaitu mengoptimalkan penggunaan tanah dengan kerjasama kerajaan negeri dan peruntukan RM150 juta.

"Program ini kesinambungan projek pembangunan tanah pertanian berpotensi dengan fokus membangunkan tanah milik kerajaan negeri atau agensi di bawahnya.

"Bagi maksud ini, KPKM kekal pasti beberapa aktiviti pertanian dan penternakan, khususnya meningkatkan pengeluaran jagung bijian dan tanaman kon-tan, antaranya bawang, cili, ha-lia dan buah *rock melon*."

"Selain itu, penternakan lembu susu dan daging serta produk akuakultur," katanya menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) di Dewan Rakyat, semalam.

Penggunaan racun tinggi dedah risiko kesihatan

Kuala Lumpur: Penggunaan racun yang tinggi pada bahan makanan termasuk sayur-sayuran boleh memberi kesan kesihatan jangka panjang kepada pengguna termasuk kanser, sakit kulit, kronik, gangguan sistem badan dan keracunan dalam darah.

Bagaimanapun, Pakar di Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man, berkata tahap kesedaran pengguna berkaitan produk makanan menggunakan racun kimia secara berlebihan masih rendah.

Beliau berkata, ia diburukkan lagi dengan kesempitan hidup yang dibelenggu oleh kos sara hidup tinggi sehingga membuatkan pengguna lebih memikirkan kuantiti yang mereka terima dengan harga rendah.

"Sebenarnya pengguna masih kurang arif untuk menilai sesuatu produk makanan sama ada ia selamat atau tidak daripada pencemaran racun kimia.

"Jika kesedaran pengguna tinggi sekalipun terhadap produk pertanian yang selamat dimakan, tetapi jika mereka masih tiada akses mendapatkan produk itu, mereka ini juga tidak dapat lari daripada isu ini.

"Ini kerana kebanyakan sayuran yang dihasilkan secara organik dan menggunakan kurang racun kimia dijual agak mahal dan premium. Berbanding kuantiti dan kuantiti, pengguna akan memilih kuantiti," katanya kepada BH, semalam.

Warga asing kuasai industri sayur

80 peratus sayur Pulau Pinang dari kebun haram

30 peratus pengusaha kebun tempatan terjejas, hampir gulong tikar

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Pendatang asing yang mengusahakan kebun sayur secara haram di Pulau Pinang didakwa menguasai hampir 80 peratus rantaian perbekalan sayuran di negeri berkenaan sejak lima tahun lalu.

Timbalan Pengerusi Persatuan Kebun Sayur Pulau Pinang, Ibrahim Roslan, berkata ia berikutan mereka menguasai perbekalan sayuran ke semua sektor termasuk borong, peruncitan dan pasar malam, malah mengambil alih perbekalan sayuran ke kanton industri di negeri itu.

Beliau berkata, senario berkenaan menyebabkan kira-kira 30 peratus pengusaha kebun tempatan terjejas dan hampir gulong tikar.

Katanya, terdapat 216 pengusaha kebun tempatan berdaftar di Pulau Pinang, namun disebabkan pelbagai isu termasuk pendatang asing yang mula mengu-

sai perbekalan sayuran di negeri ini sejak 10 tahun lalu, hanya tinggal 60 sahaja pekebun tempatan yang kekal bertahan dan aktif setakat ini.

"Hampir semua sektor perbekalan sayuran di Pulau Pinang dikuasai pendatang asing terutama warga Bangladesh. Mereka hanya gagal menembusi pasaran bagi pasar raya sahaja kerana ia memerlukan syarat ketat terutama Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), namun sejak lima tahun lalu keadaan semakin kritikal.

"Pengusaha kebun tempatan kini hanya mampu menembusi antara 20 hingga 40 perbekalan sayuran di Pulau Pinang dan jika ia berterusan tanpa kawalan, sektor sayuran tempatan mungkin lumpuh tidak lama lagi.

"Pendatang asing juga menguasai perbekalan sayuran dan niaga termasuk di Pasar Besar Bukit Mertajam, malah kanton industri di negeri ini yang menjadi antara pelanggan terbesar pengusaha tempatan kini dikuasai mereka sepenuhnya kerana menawarkan harga lebih rendah kerana kos lebih murah," katanya kepada BH.

Bayar sewa lebih mahal

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, hasil cerapan dan pemerhatian ahli persatuan berkenaan menganggarkan terdapat lebih

100 hektar kebun sayur diusahakan pendatang asing di Pulau Pinang.

Katanya, sikap rakyat tempatan yang mahu keuntungan segera dengan menyewakan tanah kepada pendatang asing, selain menyewakan lesen pertanian mereka, sangat mengecewakan dan bakal membunuh perniagaan tempatan.

"Menerusi risikan ahli kami, pendatang asing mampu membayar sewa tanah yang mahal antara RM250 hingga RM500 sebulan bagi 0.4 hektar tanah, malah untuk lesen perniagaan termasuk di pasar, pasar malam dan premis perniagaan, mereka membayar sewa antara RM1,500 hingga RM3,000.

"Kebanjiran pendatang asing di Pulau Pinang menyebabkan mereka mampu mewujudkan karter rantaian perbekalan sayuran iaitu bermula dari kebun dan logistik sehingga membuka premis kedai runcit bangsa mereka.

"Ini kerana prinsip pendatang asing yang hanya membeli dan menyokong premis serta jualan daripada bangsa mereka sahaja," katanya.

Ibrahim berkata, kebanyakan pendatang asing yang mengusahakan kebun sayur turut mampu menggajikan warga asing lain, selain mempunyai peralatan dan kelengkapan lebih hebat daripada pengusaha tempatan.

Katanya, jaringan kuat sesama pendatang asing menyebabkan mereka mampu membeli traktor dan lori bagi melancarkan perusahaan yang diusahakan itu.

"Ada kalangan pekebun warga asing ini mempunyai permit lalu-lalu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), mengahwint warga tempatan atau lari daripada majikan lama," katanya.

Siasa aduan pengusaha

Sementara itu, Ibrahim berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ada menghubungi persatuan berkenaan bagi menyasiat aduan pengguna yang mendakwa ada isu membabitkan sayuran dijual di pasaran negeri ini.

Namun, katanya, selepas pemeriksaan rekod dibuat, sayuran itu bukan dikeluarkan pengusaha kebun tempatan, sebaliknya asing terbahit.

"Saya tidak bertanya lanjut itu sebenar kepada Jabatan Kesihatan, namun mengesyaki ia membabitkan kualiti sayuran terutama paras bahan kimia termasuk baja dan racun yang tinggi serta tidak mengikut peraturan.

"Sebenarnya hasil sayuran keluaran pengusaha tempatan di pantau Jabatan Pertanian negeri dan ujian sampel dilakukan agensi itu sebelum keluaran pekebun berdaftar dibenar dijual di pasaran," katanya.

21/3/2024

HARIAN METRO

LOKAL

21

Oleh Baharom Bakar
an@hmetro.com.my

Kuala Terengganu:

Arahan penurunan harga Beras Putih Import (BPI) antara RM2 dan RM3 bermula semalam, sukatan dipatuhi peniaga dan pemilik pasar raya di sini, berpunca tindakan drastik kerajaan.

Tinjauan wartawan ke beberapa pasar raya mendapati BPI masih dijual pada harga antara RM43.29 sen dan RM49.50 sen bagi setiap beg 10 kilogram (kg).

Harga BPI bagi paket beras lima kg pula dijual pada harga antara RM19.94 sen dan RM21.59 sen.

Seorang pengurus pasar raya, Ahmad Fadhil berkata, pihaknya mendapat bekalan pelbagai jenama BPI pada harga lama Sabtu lalu.

Katanya, kerajaan sepatutnya mengambil kira bekalan stok lama sebelum memutuskan untuk menurunkan harga.

"Kami masih mempunyai bekalan BPI yang dihantar pembekal pada harga lama seberat kira-kira 2,500 metrik tan.

"Jika kami menurunkan harga seperti ditetapkan kerajaan, siapa yang akan menanggung kerugian kerana pembekal membekalkan BPI pada kami dengan harga lama," katanya semalam.

Kerajaan mengumumkan harga runcit BPI diturunkan antara RM2 dan RM3 di pasaran berkuat kuasa semalam.



AHMAD FADHIL (kanan) dan pekerjaanya sedang menyusun BPI yang dihantar pembekal utama di sekitar Kuala Terengganu. - Gambar: NSTP/BAHAROM BAKAR

ARAHAN BPI SUKAR DIPATUHI

'Tunggu stok lama habis'

Keputusan penurunan harga BPI dibuat dalam Mesyuarat Tindakan Sara Hidup Negara (NA-COL), Bil 1/2024 dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

"Kerajaan sepatutnya mengambil kira bekalan stok lama"
Ahmad Fadhil

berlaku penurunan harga BPI dan menetapkan harga borong lama.

"Sepatunya kerajaan beri tempoh sehingga penghabisan bekalan lama belum memutuskan menurunkan harga.

"Setakat ini kita tidak menerima sebarang arahan penurunan harga BPI daripada pembekal dan agensi kerajaan termasuk Padberas Nasional Berhad (Bernas)," katanya.

Ahmad Fadhil berkata, pihaknya bersedia kal tidak memaklumkan



BEKALAN beras putih tempatan dijangka tidak berdepan masalah apabila mengantikan 140,000 tan metrik padi diproses dengan segera dan diperkakan untuk kegunaan pasaran.

Beras tempatan 'kembali' ke pasaran

OLEH ASLINDA NASIR
 Abu Sultan@berita.com.my

"Yang saya perhatikan selama ini adalah mengapa rakyat tidak dapat membeli beras tempatan kerana enan bulat," katanya ketika ditemui semalam. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Datuk Seri Mohamad Sabu mengemukakan, semua stok padi tempatan yang dibekalkan kepada rakyat akan habis pada hujung bulan ini. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Langkah itu bagi meningkatkan pengeluaran beras tempatan dan memberi peluang kepada petani tempatan untuk memasarkan hasil mereka.

Namun, katanya, perkara itu perlu dipertimbangkan lagi supaya petani tempatan dapat bersaing dengan petani asing yang lebih maju. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Turun harga tidak selesaikan masalah

KANGAR: Keputusan kerajaan menurunkan harga jual runcit beras putih import (BPI) di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi pek 10 kilogram, tidak dapat menyelesaikan masalah dalam industri beras negara.

Bagi pengilang, banya langka beras putih termasuk jenis yang boleh mengancam reputasi dan imej mereka. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Merdeka (kari) menjadi rami yang paling banyak diimportasi ke negara ini. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Peniaga lega harga beras import turun

MELAKA: Para peniaga di negeri ini mengesahkan telah dimaklumkan bahawa harga beras import telah diturunkan kepada RM2.60 per pek 10 kilogram.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Turun harga tidak selesaikan masalah

lain swah, malah, kos sara hidup mereka juga semakin meningkat seiring dengan ekonomi negara.

"Penaui berbaik mendapatkan beras tempatan dengan pasaran semasa beras, namun keadaan itu nampaknya tidak baik," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, rami yang sudah lama diimportasi ke negara ini yang melaburkan modal dengan mencampurkan beras tempatan dan import sehingga menyebabkan ketidapan bekalan beras tempatan di pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Merdeka (kari) menjadi rami yang paling banyak diimportasi ke negara ini. Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

Turun harga tidak selesaikan masalah

lain swah, malah, kos sara hidup mereka juga semakin meningkat seiring dengan ekonomi negara.

"Penaui berbaik mendapatkan beras tempatan dengan pasaran semasa beras, namun keadaan itu nampaknya tidak baik," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, rami yang sudah lama diimportasi ke negara ini yang melaburkan modal dengan mencampurkan beras tempatan dan import sehingga menyebabkan ketidapan bekalan beras tempatan di pasaran.

Beliau berkata, beliau berharap kerajaan akan membuat keputusan untuk membolehkan beras tempatan kembali ke pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/3/2024	NST	MUKA DEPAN	1

Govt mulls targeted rice subsidy

DATUK Seri Mohamad Sabu says the measure may be part of the restructuring of the padi industry. An economist says giving cash to people is better than subsidising a company.

»» REPORT ON PAGE 2

ENGAGEMENT WITH STAKEHOLDERS

TARGETED RICE SUBSIDIES MULLED

Minister says it may be part of industry restructuring, but economist advises against move

LYLIA MARSYA ISKANDAR
KUALA LUMPUR
lyliamarsya@nst.com.my

AGRICULTURE and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said yesterday the government may introduce targeted subsidies for rice, but an economist warned against it.

Mohamad said this might be part of the restructuring of the rice industry.

He said an announcement on the restructuring might take three to four months as it would involve engagements with stakeholders, including farmers, wholesalers, millers and consumers.

He said the interests of farmers must be prioritised, and at the same time, wholesalers and millers could not be running their business at a loss.

"As for consumers, there are different categories. (For example) we have millions of foreign workers who enjoy subsidised rice," he said in an interview with Astro Awani.

The retail price of local white rice is capped at RM2.60 per kg. There are no restrictions on who can buy local rice.

In the past, there had been calls to limit the sale of local rice to Malaysians, though some quarters had criticised these proposals.

"Once (registration for) Padu (central database hub) is complete, we may move towards targeted subsidies (for rice)."

He said the government wanted all parties to be involved in the restructuring of the rice industry and voiced hope that with the new policy, long-term issues could be resolved.

Meanwhile, he said he believed Malaysia could achieve self-sufficiency for rice.

"We cannot depend on imports forever.

"Can we reach the self-sufficiency level (SSL) for rice?"

"I say 'yes, it is possible'," he



Datuk Seri Mohamad Sabu

said, adding this was possible by leveraging new technology, advanced planting methods and opening new lands for padi planting.

He said he was encouraged by the cooperation of all state governments, including those in opposition-led states, to open up new lands for padi planting.

Malaysia University of Science and Technology economist Professor Geoffrey Williams, however, said implementing targeted subsidies for rice could destroy market dynamics, the retail market and Malaysia's reputation of fairness to foreigners.

He said providing subsidies to companies instead of targeted cash transfers would benefit companies and cartels the most.

"The problems in rice supply — stemming from the reliance on imported rice, cartels and anti-competition behaviour — and the affordability problems for the low-income group are mostly due to subsidies to rice providers and sellers.

"It is companies and cartels that benefit the most.

"If you try to sell low-priced rice only to low-income groups or worse, try to exclude foreigners, this will make things worse.

"Rich Malaysians will find ways to buy cheap rice, vendors will sell only low-quality rice cheaply and foreigners will use black market rice or will starve.

"So subsidies to companies destroy the market dynamics we have now, and subsidies to consumers will destroy the retail market and destroy Malaysia's reputation when it comes to fairness for foreigners."

Williams added that targeted cash transfers, which are essentially subsidies on incomes, were better than subsidies on products.

He said the government could work to break up cartels, remove anti-competition behaviour and provide targeted income support through Padu to tackle rice affordability among the low-income group.

"Allowing wholesalers and retailers to source rice from wherever they can and sell at best-priced options without restrictions and permits is the best option in the short term.

"Removing rice subsidies could raise rice prices, but increasing competition can keep prices low or limit price increases."

He added that long-term structural reforms in agriculture and agribusiness — through reforms of Padiberas Nasional Bhd (Bernas), Federal Land Development Authority (Felda) and other agencies — were essential.

However, Putra Business School agricultural economics expert Professor Datuk Dr M. Nasir Shamsudin said a targeted subsidy mechanism for vulnerable groups was a good idea, should the government aim to float the rice price similar to the Malaysia Madani rice concept.

He said if there was only one type of white rice available, its price would likely mirror that of the imported rice, making it susceptible to fluctuations based on global market demand.

This means that the price of rice could vary in response to shifts in worldwide supply and demand dynamics.

Due to this, he said, there should be a trigger price to implement the targeted subsidies.

"If the price of rice reaches more than the trigger price, then only the targeted subsidy should be implemented.

"If it's lower than the trigger price, there is no need to apply the subsidy."

However, he said, if the government opted against floating the price of rice, implementing a subsidy would not be advisable, given that the price of local white rice remained lower.

Consumers Association of Penang senior education officer N.V. Subbarow said implementing targeted subsidies for rice was a good move as it ensured that only needy people would receive the subsidy.

He said this would also encourage more people to register with Padu.

140,000 tonnes of rice hit the market today

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Some 140,000 tonnes of local white rice (BPI) will be distributed throughout the country from today to overcome a market shortage.

Kawalselia Padi and Beras (KPB) will commence distribution today while also overseeing all available stock of padi and rice bought by factories, says its director-general Datuk Azman Mahmood.

Agro Madani sales by the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) and the National

Farmers Organisation (LPP) will also be part of the distribution network.

"We will monitor distribution with weekly reports issued to monitor the local rice supply. We will have long-term strategies that include padi farmers, wholesalers, retailers, and consumers."

He said targeted subsidies would also be given, exclusively for the B40 group.

As for imported white rice (BPI), the price will be reduced by between RM2 and RM3 from today.

Currently, BPI is priced at between RM38 and RM45 for a

10kg pack. With this adjustment, a 10kg pack of imported white rice will now cost RM35.

Azman said there were no issues with monitoring the price of imported rice at the moment, as everything is regulated.

"We rely on the system; if wholesalers lower the price by RM2, the system adjusts accordingly. This system is implemented nationwide to ensure consistency. If any issues arise, actions will be taken," he added.

Mydin hypermarket managing director Datuk Ameer Ali Mydin said retailers have also begun adjusting prices accordingly.

"Some brands have reduced prices by RM2 after being told to do so by Padiberas Nasional Bhd (Bernas). Some other brands are willing to go further and reduce the price by RM3.

"After reading the announcement on Tuesday night, we immediately changed the prices in our system."

"By this morning, we reduced all prices by RM2 to RM3. It doesn't matter if it's old stock or new stock (rice); all prices are reduced," he said.

"The Ramadan period is a crucial season for consumers to buy goods, and my team has taken the

initiative to reduce prices immediately. We are in talks with importers and suppliers as instructed by the government.

"We will also discuss with suppliers whether they will agree to bear some of the losses," he added.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced the price reduction on Tuesday, following which Bernas reduced the price from RM3,200 to RM3,000 per tonne at its warehouses.

"This translates to a decrease in retail prices of (BPI) by RM2 to RM3 per 10kg bag," Bernas said.



SEBAGIAN pesawah menunjukkan tanah padi seluas 200 hektar yang diusahakan mereka rosak akibat ketidadaan air berikutan musim kemarau. Tinjauan di Rendang Kampung Aur Duri, mendapati, tanah sawah di kawasan berkenaan kering dan merekah. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

HASIL PADI DI KELANTAN

Dijangka merosot 25 peratus

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menjangkakan hasil padi merosot teruk sehingga 25 peratus pada musim ini berbanding tahun lalu susulan bencana kemarau yang berlaku. Pengerusinya, Muhammad Husin berkata, pesawah

wah sebelum ini mampu memperoleh hasil padi lebih 212,000 tan metrik pada musim tuatan lalu.

Beliau berkata, hasil padi pada musim ini bagaimanapun dijangka merosot berikutan kebanyakan sawah kering dan ketidadaan air susulan musim kemarau yang melanda negara.

"Suhu yang teruk bagi tanaman padi adalah di antara 30 hingga 34 darjah celsius. Sekiranya bertamabah satu darjah suhu, ia

akan menyebabkan pengurangan hasil 10 peratus." Kita menjangkakan hasil KADA akan berkurangan sehingga 25 peratus akibat kesan kemarau. Purata setiap hektar menghasilkan 4.2 tan padi sukar dicapai.

"Sehingga kini, 2,630 pesawah yang terjejas akibat kemarau membabitkan keluasan 9,100 hektar," katanya, semalam.

Kelmarin, media melaporkan, lebih 50 pesawah membabitkan tanah padi

seuas lebih 200 hektar di Kampung Aur Duri, di sini, buntu apabila sebahagian besar sawah padi diusahakan mereka rosak akibat ketidadaan air berikutan musim kemarau.

Mereka mendakwa, sebahagian besar padi yang diusahakan mereka sejak Disember lalu itu mulai rosak sejak dua minggu lalu, manakala sebahagian lagi hanya mampu bertahan seminggu sahaja.

Lebih malang, pesawah terbahit berdepan kerugian puluhan ribu ringgit setiap seorang.

Sementara itu, mengulas mengenai masalah yang berlaku di Kampung Aur Duri, Muhammad berkata, operasi pam air ditetapkan dari jam 8 pagi sehingga ke 12 tengah malam pada masa kini.

Katanya, paras operasi pam bergantung kepada paras semasa air sungai Kelantan dan agihan air ke bendang padi yang terbahit juga ditetapkan secara gi-

Jangka suhu 35 darjah Celsius dalam 7 hari

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menjangkakan cuaca kering dan panas dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius di kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah akan berlarutan dalam tempoh tujuh hari.

Bagaimanapun, agensi itu memaklumkan ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang masih berpotensi berlaku terutama di kawasan Barat Semenanjung dan Sarawak pada lewat petang dan awal malam.

"Orang awam dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan media sosial rasmi MET Malaysia serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi maklumat terkini dan sahlah, kata MET Malaysia dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, ekuimoks iaitu fenomena yang berlaku dua kali setahun pada 20 Mac dan 22 September apabila matahari berada tegak di atas garisan Khatulistiwa, memberi kesan minimum terhadap suhu dan cuaca negara.

Pada hari kejadiannya, seluruh dunia akan mengalami masa siang dan malam yang sama panjang, masing-masing 12 jam.

liran mengikat pintu air.

"Pihak petani disarankan supaya tidak mengangguk pintu air yang sudah ditetapkan mengikut keperluan jadual agihan air," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Panas melampau

SEORANG penternak di Pokok Sena memandikan sebahagian lembu ternakannya berikutan cuaca panas melampau yang mencatatkan suhu antara 37 sehingga 40 darjah celsius di beberapa kawasan di Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN (Berita di muka 32)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	10



MANDIKAN LEMBU

PENTERNAK lembu, Mahadi Hasan, 45, memandikan ternakan lembunya akibat cuaca panas melampau khususnya pada waktu tengah hari di Kampung Sungai Mati, Langgar, Kedah. Mahadi memaklumkan dia juga perlu sentiasa memastikan lembunya mendapat bekalan air mencukupi dan kekal hidrasi bagi mengelak sebarang situasi yang mengancam kesihatan ternakannya. Beliau terpaksa mengeluarkan belanja lebih bagi menyediakan makanan seimbang dan berkualiti untuk ternakannya memandangkan cuaca panas ketika ini turut menyebabkan rumput di kawasan ragut kering dan layu.

020-9214634-020



PELABAGAI jenis burung kakak tua turut dipamerkan.



SEORANG pengunjung merasa kelesuutan bulu alpaka di CGG Animal Garden, MAEPS, Serdang, Selangor.

Alpaka jadi tarikan utama pelawat

Oleh SITI SABAH NURUL LIYANA

DARI kejauhan, kelihatan sekumpulan haiwan berleher panjang, berkepala lonjong dan berkaki ramping sedang berdiri secara rapat dalam sebuah kandang. Apabila didatangi deket, kelihatan mereka berdiri deket dengan kapas besar yang sedang berputang.

Sekali lihat, rupanya seperti unta versi kecil tanpa bonggoh di belakang dan memiliki bulu seperti biri-biri.

Haiwan yang dipanggil alpaka itu juga memiliki mata galak sekiranya akan dipandang.

Bukan mudah untuk melihat haiwan daripada spesies unta tersebut di kawasan tanah rendah kerana ia lebih sesuai dengan cuaca sejuk.

Namun, orang ramai bukan sahaja boleh melihat haiwan itu dengan lebih deket, malah mereka dapat membela alpaka di CGG Animal Garden, Taman MAEPS, Serdang.

Momenut penyelia CGG Animal Garden, Rozaitun Azura Che Mat, 31, alpaka merupakan antara haiwan yang menjadi tarikan pengunjung di taman haiwan itu.

"Kami import alpaka dari Australia sejak ia berusia, iaitu bulan. Alhamdulillah, alpaka ini dipaparkan dengan sangat menarik walaupun di tanah rendah.

"Meroka dijaga dengan rapi dan bulunya tidak boleh terlahi panjang serta perlu sentiasa dipotong dengan kerap. Ini bagi membolehkan haiwan ini tidak kesusukan. Kini, secuil dua tabung alpaka masih lagi menjadi antara tarikan utama di taman ini. Kadanya kepada pengunjung yang berminat, kami boleh tunjuk rakod. CGG Animal Garden merupakan milik seorang bekas guru sekolah di Bangi iaitu Suzila Hashim.



PADA pengunjung berpeluang melakukan aktiviti fishing boat iaitu menangkap ikan dalam tangki yang disediakan.

Di dalam kawasan berkeuasan 0.81 hektar itu, terdapat hampir 100 jenis haiwan dengan jumlah tiga bingkai empat ekor bagi setiap spesies.

Alpaka merupakan spesies kak tua yang dipaparkan dari Brazil, Afrika dan Amerika Syarikat.

Pengunjung juga berpeluang mengenal spesies unik seperti wallaby berset yang sering disalah anggap sebagai kangguru.

Selain binatang-binatang yang jarang dijumpai, terdapat juga haiwan biasa seperti kucing, anjing, ayam, kambing dan banteng. Tambah Rozaitun, kebajikan CGG Animal Garden adalah reka bentuknya yang santai dan dipenuhi pokok-pohon rendah.



HAIWAN reptilia seperti ular antara tarikan di CGG Animal Garden.

bermesra dengan haiwan-haiwan jaguan mereka.

Ini bagi membolehkan haiwan-haiwan tersebut tidak rasa terancam dengan kehadiran pengunjung dan sedia untuk dibelah-belah.

"Haiwan-haiwan kami sememangnya dilatih untuk tidak takut dengan manusia.

"Jadi, haiwan-haiwan ini yang akan menghampiri pengunjung dan kami mengawal kuantiti dan kualiti makanan mereka. Jadi, kami mengawal kuantiti dan kualiti makanan mereka. Jadi, kami mengawal kuantiti dan kualiti makanan mereka. Jadi, kami mengawal kuantiti dan kualiti makanan mereka.

"Jadi, pada waktu waktu tertentu pengunjung boleh memberi makan kepada haiwan di sini," katanya.